

## IJTIHAD DALAM INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA: SATU ANALISIS

Rahimin Affandi Abdul Rahim\*

Paizah Ismail\*\*

Nor Hayati Mohd Dahlan\*\*\*

### ABSTRACT

*This article will focus on perception and application of ijtihād in the perspective of the Malaysian Institution of Fatwa. The discussion is divided into three sections: First, the introduction of the study. Second, the significance of ijtihād in the historical development of Islamic Law, Third, attempt to strengthen the utilization of ijtihād. In the third section, it will be further divided into two subdivisions: First, rejuvenate professionalism by the mufti profession, Second, strengthen Syariah role in the Malaysian Institution of Fatwa.*

**Keywords :** *ijtiḥad, fatwa, Syariah studies*

### PENGENALAN

Di sepanjang sejarah Islam, ada dua perkataan yang berpengaruh besar terhadap kehidupan ummah Islam. Kedua-dua perkataan ini adalah ijtiḥad dan jihat, yang berasal dari kata dasar *jahada*, membawa erti; mencurahkan kemampuan

---

\* Associate Professor at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, faqir\_ila\_rabbih@um.edu.my.

\*\* Associate Professor at Ahmad Ibrahim Kulliyah of Laws, International Islamic University Malaysia, paizah\_ismail@yahoo.com

\*\*\* Master student at Department of Fiqh and Usul, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, annur\_1909@yahoo.com

ataupun menanggung kesulitan. Terma ijtihad bersasaran untuk mengenali petunjuk dan agama Allah yang dibawa oleh rasulnya, sedangkan terma jihad pula untuk menjaga agama dan mempertahankannya. Dengan kata lain, ijtihad berfungsi dalam bidang pemikiran dan penelitian akademik, manakala jihad bergerak dalam ruang lingkup perbuatan dan tingkah laku. Keduanya adalah bersifat saling melengkapi, di mana ijtihad sebagai jihad di bidang ilmiah dan jihad adalah sebagai ijtihad yang berbentuk perbuatan. Hasil pemikiran ijtihad akan hilang apabila tidak ada orang yang mendokongnya, begitu juga dengan hasil jihad akan musnah apabila tidak ada orang berilmu yang menyokong hasil jihad ini.<sup>1</sup>

Berasaskan kepada kenyataan di atas, makalah ini akan cuba mengulas dua perkara utama; bagaimanakah nisbah kepentingan ijtihad di dalam perundangan Islam? dan bagaimanakah usaha pemeraksanaan ijtihad untuk institusi fatwa di Malaysia dapat dijalankan? Kedua-dua persoalan besar ini yang bakal diulas sebenarnya berasaskan kepada dapatan kajian awal daripada projek penyelidikan ilmiah FRGS (FR008/2007A) tajaan Universiti Malaya, dengan tajuk : *Pelaksanaan Syariah Islam Di Malaysia: Kajian Terhadap Infrastruktur Dan Sumber Manusia*. Bagi mencapai fokus utama artikel ini, perbincangan akan diberikan dengan menggunakan beberapa metodologi dan kerangka teori yang tertentu. Metodologi yang dipakai merangkumi metod analisis pensejarahan, analisis pendidikan dan analisis kandungan.<sup>2</sup> Manakala bagi teori dan paradigma pilihan pula, ianya menggunakan pelbagai teori yang berkaitan dengan keberkesanan pelaksanaan Syariah Islam di dalam masyarakat.

Perlu ditegaskan di sini, teori yang bakal dipakai ini bukanlah bersifat mutlak, tetapi penggunaannya sekurang-kurangnya dapat dijadikan asas dan landasan teori untuk kajian ini. Paradigma adalah merupakan satu set proposisi (rancangan usulan) yang menerangkan bagaimana dunia harus difahami. Ia berasaskan sebuah pandangan dunia (*world-view*), suatu cara untuk memecahkan kerumitan dunia, yang memberitahu seseorang ilmuan tentang apa yang penting, apa yang sah dan apa yang bersesuaian dengan logik.<sup>3</sup> Apa yang lebih dinamik lagi, tiada suatu paradigma pun yang boleh

---

<sup>1</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (1993), "Ijtihad: Suatu Analisis Perbandingan", dalam *Jurnal Syariah*, v. 1, bil. 2, hh. 153-161.

<sup>2</sup> H. M. Atho Mudzhar (1998), *Pendekatan Studi Islam Dalam Teori Dan Praktek*, Yogyakarta : Pustaka Pelajar, hh. 36-45.

<sup>3</sup> Lihat Mona Abdul-Fadl (1989), *Paradigms In Political Science Revisited*, Herndon: AMSS & IIIT, h. 18.

dianggap sebagai sempurna, tetapi perlu sentiasa dilakukan proses *reviewing* (ulangkaji) bagi memastikan kebenarannya ataupun memperkemas lagi paradigma terbabit. Hal ini terpakai kepada semua bidang ilmu samada ilmu agama, sains tulen dan sains sosial.<sup>4</sup>

## **KEPENTINGAN IJTIHAD DI DALAM PERUNDANGAN ISLAM: SATU ANALISIS SEJARAH**

Hukum Islam adalah bersifat *Rabbani* (kerana asasnya berasal daripada Allah yang Maha Agung) dan dinamis, kerana ianya mampu menjawab setiap keperluan masyarakat yang selalu berkembang. Institusi utama dan dianggap tertua untuk menjawab keperluan masyarakat ini adalah institusi fatwa.<sup>5</sup> Ianya telah diasaskan oleh Rasulullah sendiri yang kemudiannya dikembang dan diperkemas oleh sarjana hukum Islam di sepanjang sejarah. Alat utama yang menghidupkan institusi fatwa ini adalah konsep ijtihad.<sup>6</sup> Konsep ijtihad ini yang merupakan buah utama daripada disiplin *Uṣūl al-Fiqh*, suatu ilmu yang mempelajari dasar, metod, pendekatan dan teori yang digunakan dalam memahami ajaran Islam.<sup>7</sup>

Atas dasar inilah ianya dikatakan sebagai “*queen of Islamic sciences*”. Hal ini dijelaskan oleh Taha Jabir;

*“Uṣūl al-Fiqh is rightly considered to be the most important method of research ever devised by Muslim thought. Indeed as the solid foundation upon which all Islamic disciplines are based, Uṣūl al-Fiqh not only benefited Islamic civilization but contributed to the intellectual enrichment of world civilization as a whole.”*<sup>8</sup>

---

<sup>4</sup> Nasaruddin Umar (1999), “Metode Penelitian Berperspektif Gender Tentang Literature Islam”, Dalam *Jurnal Al Jami’ah*, No. 64, v. xii, hh. 192-194.

<sup>5</sup> Syamsul Anwar (2007), *Studi Hukum Islam Kontemporer*, Jakarta : RM Books, hh. 297-298.

<sup>6</sup> Hal ini telah dikupas secara mendalam di dalam Muhammad Abdul Rauf (1995), *The Muslim Mind: A Study of The Intellectual Muslim Life During The Classical Era (101-700H)*, Kuala Lumpur.

<sup>7</sup> Akh Minhaji (2002), “Persoalan Gender Dalam Persepektif Metodologi Studi Hukum Islam”, dalam (edit oleh Siti Ruhaini Dzuhayatin) *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender Dalam Islam*, Yogyakarta : Pustaka Pelajar Offset, hh. 200-207.

<sup>8</sup> Taha Jabir al-‘Alwani (1990), *Usul Al-Fiqh Al-Islami*, Virginia : IIIT, h. xi.

Secara teknikalnya, ijtihad merupakan usaha penyelidikan ilmiah hukum Islam yang diaplikasi untuk mengetahui jawapan atau kehendak Allah terhadap sesuatu persoalan hukum yang timbul. Ianya tidak digunakan sebarangan oleh seseorang yang bukan pakar dalam perundangan Islam. Memandangkan ijtihad ini bukan setakat membabitkan elemen teori semata-mata, bahkan turut membabitkan elemen aplikasi, maka dalam kupasan fuqaha ianya sering dihubungkan dengan institusi fatwa (muftahid).

Secara mudahnya, kita dapat memperincikan beberapa kepentingan utama konsep ijtihad ini dalam perundangan Islam, kesemuanya berkaitan secara langsung dengan institusi fatwa, antaranya:

- 1) Alat utama yang membangunkan binaan Syariah Islam. Dengan inisiatif ijtihad fuqaha telah melakukan proses kajian, formulasi dan membangunkan perundangan Islam.<sup>9</sup> Hal ini amat jelas sekali memandangkan dua daripada empat sumber hukum Islam secara langsung terhasil daripada usaha ijtihad. Elemen formulasi Syariah Islam juga boleh dilihat daripada kupasan dan kajian fuqaha yang membahagikan nisbah, objektif dan fungsi perundangan Islam. Dalam soal objektif hukum Islam, fuqaha membahagikannya kepada dua bahagian utama; ibadat (ketentuannya wajib bergantung sepenuhnya kepada kupasan Quran dan Sunnah) dan Muamalat (perlu ditentukan oleh ijtihad).
- 2) Alat ataupun mekanisme utama yang mengerakkan dinamisme perundangan Islam. Penggunaan ijtihad jama'i yang dilakukan oleh para Sahabat Rasulullah serta fuqaha besar kemudiannya diiktiraf sebagai sumber ijma dalam Islam.<sup>10</sup> Begitu juga hasil penggunaan ijtihad yang berterusan oleh para Imam Muftahid telah menimbulkan pelbagai mazhab fiqh Islam.<sup>11</sup> Secara kasarnya, mazhab adalah merupakan paradigma<sup>12</sup> berfikir masyarakat Islam mengikut *world-*

---

<sup>9</sup> Umar Jah (1977), "The Importance of Ijtihad in The Development of Islamic Law", dalam *Journal Of Comparative Law*, hh. 31-40.

<sup>10</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (1993), "The Significance of the Ijtihad in the Development of the Muslim Law", dalam *Jurnal SARJANA*, Keluaran Khas, hh. 85-89.

<sup>11</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (1993), "The concept of Ijma' in Islamic Law: A Comparative", dalam *The Journal of Hamdard Islamicus*, Pakistan, v. 16, hh. 91-104.

<sup>12</sup> Lihat Mona Abdul-Fadl (1989), *Paradigms In Political Science Revisited*, Herndon: AMSS & IIIT.

*view* dan kaedah Syariah yang diasaskan oleh seseorang fuqaha tertentu. Ianya lahir daripada tradisi Islam sendiri dan bukannya berasal daripada pengaruh asing seperti didakwa oleh orientalis Barat.<sup>13</sup> Ianya merupakan kemuncak dari satu proses pembentukan *world-view* yang panjang. *World-view* adalah pandangan dunia, hidup, kepercayaan dan pemikiran yang berfungsi sebagai pemankin untuk segala perilaku manusia.<sup>14</sup>

- 3) Alat dan mekanisme utama yang memperkukuh dan memperkembangkan sesuatu mazhab berpaksikan kepada kerangka *world-view* Islam. Ianya berjalan secara beransur-ansur melalui empat peringkat utama:<sup>15</sup>
  - a) *Quasi-scientific* - Apabila Rasulullah sendiri menerangkannya berasaskan kepada dua peringkat penurunan wahyu Allah. Wahyu Makkiah yang menekankan elemen akidah telah diikuti pula dengan wahyu Madaniah yang memperkembangkan prinsip akidah dalam bentuk sistem perundangan dan kehidupan yang lebih bersifat aplikatif.
  - b) *Pre-scientific conceptual* - wahyu Allah yang mengandungi konsep-konsep tentang kehidupan, dunia, ilmu pengetahuan, etika dan manusia sendiri mula dipelajari secara mendalam oleh sarjana Islam. Istilah konseptual wahyu seperti *'Ilm, Īmān, Uṣūl, Kalām, Nāzār, Wujūd, Tafṣīr, Ta'wīl, Fiqh, Khalq, Halāl, Harām, Irādah* dan sebagainya telah mencetuskan pemikiran dan penyelidikan ilmiah yang cukup berkesan di kalangan penganut Islam.<sup>16</sup>
  - c) *Scientific scheme* - dengan lahirnya tradisi intelektual Islam. Ianya timbul melalui kewujudan tiga fenomena utama:
    - Wujudnya komuniti ilmuan Islam yang menceburi bidang keilmuan Islam secara serious.

---

<sup>13</sup> T.J. De Boer (1994), *The History Of Philosophy In Islam*, Richmond : Curson Press, hh. 28-29 dan 309.

<sup>14</sup> Muhammad Abu Bakar (1993), "Pandangan Dunia, Ideologi Dan Kesarjanaan: Islam, Proses Sejarah Dan Rekonstruksi Realiti Sosial", dalam *Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan Dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*, Kuala Lumpur, hh. 307-309.

<sup>15</sup> Alparsan Acikgence (1996), "The Framework For A History Of Islamic Philosophy", dalam *Al-Shajarah*, ISTAC, v. 1, bil. 1 &2, hh. 6-7.

<sup>16</sup> Hamid Fahmy Zarkasyi (2004), *Tantangan Sekularisasi Dan Liberalisasi Di Dunia Islam*, Surabaya: Penerbit Khairul Bayan, hh. 18-20.

- *Disciplinary stage*; ketika mana sarjana Islam yang memiliki tradisi ilmiah bersepakat untuk membicarakan soal subjek dan metodologi yang terbaik untuk setiap bidang keilmuan Islam yang diceburi. Hal ini boleh dilihat daripada usaha gigih Shafi'i mensistematikkan disiplin *Uṣūl al-Fiqh*.
  - *Naming stage*; proses di mana sesuatu disiplin, teori dan metod diletakkan nama yang khusus, yang biasanya dinisbahkan kepada seseorang guru tertentu. Hal ini berlaku dengan munculnya nama Mazhab Shafi'i dan sebagainya yang dinisbahkan kepada tokoh fuqaha tertentu.<sup>17</sup>
- d) Kesenambungan dan perubahan (*continuity* dan *changing*) – sesuatu mazhab yang telah dominan kerangka metodologinya akan melalui proses pembaharuan (islah) bagi memperkembangkan lagi kewujudannya.<sup>18</sup> Sejarah keilmuan dunia mencatatkan bagaimana sesuatu doktrin dapat bertahan lama seandainya ianya memenuhi empat syarat utama: Pertama, kesahihan logika dan argumen; Kedua, menarik perhatian orang untuk diikuti; Ketiga, mampu diterapkan terhadap kes yang dihadapi (*applicable*) dan Keempat, ianya mempunyai mekanisme untuk proses memperbaharui idea yang lama tanpa meninggalkan asas tradisi terpenting.<sup>19</sup> Apa yang jelasnya, keempat-empat perkara ini memang dimiliki oleh Mazhab Shafi'i dan mazhab fiqh yang lain, sehingga mendorongnya untuk kekal sehingga sekarang.<sup>20</sup>
- 4) Alat utama yang menghubungkan antara sumber wahyu dengan kepentingan akal serta perubahan masyarakat. Walaupun ijtihad dihasilkan oleh akal manusia yang bersifat relatif, ianya dianggap sebagai unsur yang tidak dapat dielak dalam sistem fiqh Islam. Hal ini disokong oleh beberapa perkara:

---

<sup>17</sup> Mahmood Zuhi Ab Majid dan Paizah Ismail (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd., hh. 24-26.

<sup>18</sup> Louay M. Safi (1998), *Truth And Reform : Exploring The Pattern And Dynamics Of Historical Change*, Kuala Lumpur: Open Press, hh. 86-88.

<sup>19</sup> Ismail Raji Faruqi (2000), *Tauhid, Kesannya Terhadap Pemikiran Dan Kehidupan*, Terj. Oleh Unit Terjemahan Modal Perangsang Sdn Bhd, Kuala Lumpur, hh. 51-55.

<sup>20</sup> Akh. Minhaji dalam Amir Mualim (2006), *Ijtihad Dan Legislasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta: UII Press, hh. ix-xi.

- a) Al-Quran dan al-Sunnah hanyalah sumber asas untuk sistem fiqh Islam, manakala sumber sebenarnya adalah penggunaan akal intelektual terpimpin (ijtihad) terhadap kedua sumber tersebut.<sup>21</sup>
- b) Teks kandungan Quran dan Sunnah yang berkaitan dengan soal perundangan amat terbatas dari segi jumlahnya, sedangkan permasalahan masyarakat yang sentiasa timbul dalam kehidupan manusia pula tidak terbatas. Atas sebab ini, ijtihad diperkenalkan dan dianggap sebagai mampu untuk bertindak menyelesaikan masalah.
- c) Dakwaan bahawa sistem fiqh Islam yang syumul dan sesuai untuk sebarang tempat, keadaan dan zaman. Bagi memperkukuhkan dakwaan ini, ijtihad wajib digunakan bagi menyediakan jawapan hukum yang bakal menisbahkan sifat kesyumuluan Syariah Islam.<sup>22</sup>

Merujuk khusus kepada realiti penggunaan konsep ijtihad di dalam institusi fatwa di Malaysia, dapatan kajian yang dilakukan oleh sejumlah penyelidik mendedahkan beberapa kelemahan yang amat mendukacitakan:

- 1) Boleh dikatakan tidak ada langsung elemen ijtihad *insyārī* (bebas) mengikut pandangan peribadi seseorang mufti.
- 2) Keterikatan sesuatu fatwa dengan pandangan mazhab Shafi'i secara Qauli, yang terpaksa bergantung kebanyakannya kepada kitab Fiqh klasik yang dihasilkan pada zaman era taqlid. Manhaj usuli yang dipakai adalah berasaskan kepada warisan zaman taqlid daripada mazhab Shafi'i; tidak merujuk secara langsung kepada sumber asasi (Quran dan Sunnah) ataupun manhaj usuli mazhab Shafi'i. Sebaliknya tumpuan lebih diberikan kepada karya mazhabiyyah semata-mata.<sup>23</sup> Karya ini telah dijadikan sumber ataupun bahan utama pengajaran di dalam sistem pengajian Syariah.<sup>24</sup> Namun begitu, sejak kebelakangan ini, beberapa kitab fiqh yang bersifat kontemporari turut juga digunakan, itupun dalam bentuk yang agak minimum sekali.<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> Gibb (1962), *Mohammedanism*, New York: Oxford, h. 74.

<sup>22</sup> Subhi Mahmassani (1987), *The Philosophy Of Jurisprudence In Islam*, Kuala Lumpur, h. 105.

<sup>23</sup> Ahmad Hidayat Buang (2004), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, h. 106.

<sup>24</sup> Abdullah Alwi Haji Hassan (2003), *Pengajian Dan Pengamalan Undang-Undang Islam Di Malaysia : Antara Tradisi Dan Moderniti*, Syarahan Pengukuhan Profesor Untuk Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 7 Julai 2003, hh. 5-6.

<sup>25</sup> Ahmad Hidayat Buang (2004), *op.cit.*

- 3) Para mufti dalam mengeluarkan sesuatu fatwa kerap kali meniru ataupun merujuk kepada pandangan yang dikeluarkan mufti negeri lain di Malaysia.<sup>26</sup>
- 4) Para mufti sendiri mengakui kelemahan mekanisme pengeluaran fatwa yang dialami, seperti kekurangan sumber rujukan hukum Islam yang terkini, ketandusan pembantu penyelidik (pegawai Istinbat) yang berkelayakan dalam bidang penyelidikan hukum dan kelemahan unit penyelidikan di institusi fatwa.<sup>27</sup>
- 5) Walaupun ada peruntukan yang membenarkan mufti merujuk kepada pakar-pakar luar, tetapi ianya jarang dilakukan, kerana kekurangan peruntukan kewangan yang disediakan kepada pejabat mufti.<sup>28</sup>
- 6) Rungutan daripada masyarakat awam tentang kelemahan fatwa yang dikeluarkan, khususnya membabitkan isu:<sup>29</sup>
  - a) Kandungan fatwa tidak bersifat ilmiah kerana tidak mempunyai asas dan sandaran hukum yang kukuh.
  - b) Fatwa yang diberikan adalah tidak tegas dan terikat dengan kepentingan tertentu.
  - c) Fatwa yang dikeluarkan tidak bersifat semasa, sebaliknya terlalu terikat dengan paradigma taqlid.
  - d) Jawapan yang dikemukakan oleh fatwa kerap kali bersifat *ad-hoc* dalam soal remeh temeh, serta tidak mampu menyelesaikan masalah yang sebenar.
- 7) Memanglah diakui pemakaian paradigma taqlid diperlukan demi untuk mewujudkan perpaduan dan keseragaman bagi memastikan wujudnya kestabilan hidup sosio-politik umat Islam. Hal ini kemudiannya bakal memudahkan proses penguatkuasaan dan pentadbiran undang-undang Islam dijalankan.<sup>30</sup> Hal ini boleh dikatakan sebagai asas perpaduan umat Melayu sehingga tidak wujudnya perbalahan dan fanatik mazhab yang menimbulkan pertumpahan darah seperti mana berlaku di tempat-tempat lain. Cumanya, penekanan yang agak keterlaluan terhadap dominasi taqlid yang agak ketat ini dilihat bakal membuahkan hasil

---

<sup>26</sup> *Ibid*, hh. 107-108.

<sup>27</sup> *Ibid*, hh. 103-105.

<sup>28</sup> *Ibid*, hh. 109-110.

<sup>29</sup> *Ibid*, h. 114.

<sup>30</sup> Abdul Halim El-Muhammady (1992), "Ikhtilaf And Its Development In Malaysia", dalam *International Islamic University Law Journal*, Vol. 2, No. 2, hh. 54-55 dan 57.



yang kurang sihat kepada perkembangan pemikiran hukum Islam itu sendiri.<sup>31</sup> Hal ini kemudiannya turut disedari sendiri oleh kalangan mufti di Malaysia yang disertakan pula dengan pelbagai usaha untuk menerapkan pendekatan reformisme bagi menghadkan penggunaan taqlid secara berlebihan, khususnya di dalam metodologi pengeluaran sesuatu fatwa.<sup>32</sup>

## **PEMERKASAAN IJTIHAD DAN INSTITUSI FATWA DI MALAYSIA : SATU CADANGAN ALTERNATIF**

### **Meningkatkan Profesionalisme Jawatan Mufti**

Untuk memperkukuhkan perbincangan, dalam bahagian ini, dua teori utama akan dikemukakan; pertamanya, teori tentang syarat kelayakan seseorang mufti bagi menjadikannya mufti yang kompeten. Keduanya, teori profesionalism Islam dan kaitannya dengan penjawat agama.

Dalam *teori yang pertama*, fuqaha secara tegas menetapkan beberapa syarat asasi dan kelayakan yang perlu dimiliki oleh seseorang mufti. Ianya terdiri dari syarat seperti beragama Islam, adil, bertaqwa, mengetahui bahasa Arab, ilmu *Uṣūl al-Fiqh*, *Maqāṣid al-Syarīah*, realiti masyarakat dan keilmuan semasa.<sup>33</sup> Semua syarat ini ditetapkan oleh fuqaha antara lainnya bagi membantu, mendidik dan mengatur kewujudan kelas fuqaha/mufti.<sup>34</sup> Dalam banyak hal, penetapan formula syarat ini memang cukup tinggi bagi mengelakkan proses pentafsiran agama dibuat secara sewenang-wenang oleh golongan yang tidak bertanggungjawab, yang memang akan wujud di setiap zaman.<sup>35</sup> Pendekatan ini ditetapkan bukan bertujuan untuk memonopolikan usaha pentafsiran agama kepada golongan ulama semata-mata, tetapi ianya dibuat bagi mengelakkan

---

<sup>31</sup> Yusuf Qardhawi (2004), *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*, Terjemahan Oleh Abdul Rahman Rukaini, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd, hh. 85-88.

<sup>32</sup> Naemah Abd Rahman (2003), “Fatwa Jemaah Ulamak Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis,” Tesis PhD Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 183-185.

<sup>33</sup> Fathurrahman Djamil (1995), *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*, Jakarta: Logos, hh. 16-18.

<sup>34</sup> Yusuf Qardhawi (1996), *Fatwa Antara Ketelitian dan Kecerobohan*, terjemahan Ahmad Nuryadi Asmawi, Kuala Lumpur: Thinker Libraries, hh. 91-115.

<sup>35</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), “Etika Penyelidikan Islam : Suatu Analisa”, dalam *Jurnal Afkar*, v. 1, hh. 177-196.

sebarang tindakan rakus daripada masyarakat awam yang jahil tentang prinsip asas Islam, melakukan tafsiran melulu dan boleh merosakkan nama baik Islam itu sendiri.<sup>36</sup>

Untuk *teori kedua* pula, ianya cuba mengaitkan nisbah profesionalism Islam dengan penjawat agama seperti mufti. Ianya membandingkan kriteria nisbah profesionalism yang difaham dari perseptif barat untuk beberapa profesion/kerjaya yang khusus<sup>37</sup> dengan nisbah yang turut dimiliki oleh penjawat agama. Ianya terdiri dari:<sup>38</sup>

- 1) Kerjaya yang memerlukan kepakaran dan pengetahuan spesialis tertentu yang tidak dimiliki oleh golongan lain.
- 2) Untuk menguasai pengetahuan dan kepakaran spesialis ini memerlukan tempoh pendidikan yang relatif lama.
- 3) Kegiatan kerjaya yang dijalankan berasaskan kepada sesuatu teknik dan kaedah yang khusus bagi memecahkan sesuatu permasalahan yang diajukan.
- 4) Wujudnya sesuatu kod etika yang khusus yang mengatur bagaimana modus operandi sesuatu profesion itu perlu dijalankan.
- 5) Wujud organisasi khusus yang melakukan proses pengawalan terhadap sesuatu profesion agar ianya tidak melanggar kod etika yang ditetapkan.
- 6) Wujudnya kuasa otonomi dan kebebasan untuk membuat sesuatu keputusan dalam bidang kuasa profesion terbabit.
- 7) Wujud komitmen kerja yang tinggi khususnya yang membabitkan hubungan dengan pelanggan/masyarakat awam.
- 8) Wujud nisbah kepercayaan masyarakat awam tentang kewibawaan dan mutu profesion yang diceburi.
- 9) Mempunyai nilai prestij dan penghasilan yang tinggi.

Boleh dikatakan kesemua kriteria yang ditetapkan ini, turut dimiliki oleh penjawat agama Islam, khususnya dalam profesion mufti itu sendiri. Bahkan, kualiti penjawat agama ternyata lebih tinggi, khususnya dalam soal yang

---

<sup>36</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2006), "Islam Dan Isu Penterjemahan Dalam Era Globalisasi", dalam Hamed Mohd Adnan (ed.), *Penerbitan Malaysia-Indonesia: Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, hh. 151-164.

<sup>37</sup> De George (1995), *Business Ethics*, New Jersey: Prentice Hall, hh. 456-457.

<sup>38</sup> Syamsul Anwar (2007), *Studi Hukum Islam Kontemporer*, Jakarta: RM Books, hh. 26-29.

membabitkan kod etika, kerana ianya diasaskan kepada falsafah dan prinsip keimanan iaitu tauhid dan amanah.<sup>39</sup>

Jika kedua-dua teori di atas digunakan untuk menilai nisbah kualiti yang dimiliki oleh jawatan mufti semasa, ternyata sekali standard mufti ini secara relatifnya agak lemah dan belum lagi bertepatan dengan intipati yang terkandung dalam kedua-dua teori tadi. Hal ini didasarkan kerana memang wujud kelemahan dalam institusi fatwa di Malaysia:<sup>40</sup>

- 1) Mufti tidak mempunyai kelulusan akademik tertinggi dalam bidang Syariah, yang membolehkannya mempunyai kemahiran penyelidikan hukum yang kompeten.
- 2) Terdapat juga kalangan mufti yang hanya memiliki tahap pengajian di peringkat ijazah pertama dan bukan daripada pengkhususan di bidang Syariah Islam. Memanglah diakui, konsep kesepaduan ilmu menetapkan bahawa semua bidang ilmu Islam (Syariah atau Usuluddin) itu sama tarafnya, tetapi dalam konteks untuk menjalankan tugas sebagai mufti, ianya memerlukan kepakaran dalam bidang hukum Islam.
- 3) Pengakuan sendiri para mufti dan pegawai Istinbat tentang kelemahan mekanisme penyelidikan hukum di dalam institusi fatwa.
- 4) Mufti tidak memiliki kebebasan otonomi yang mencukupi semasa menjalankan tugas.
- 5) Mufti dilantik dari kalangan ulama terkenal yang telah lanjut usia dan rata-ratanya mengalami masalah kesihatan yang agak teruk, sehingga menyebabkan ianya gagal menjalankan fungsi yang sepatutnya.
- 6) Masyarakat awam mempersoalkan kewibawaan seseorang mufti.
- 7) Tanggapan masyarakat awam bahawa pemilihan mufti dibuat berasaskan faktor kronisme dan kekerabatan dengan institusi feodal Melayu.<sup>41</sup>

Sebagai alternatif kepada permasalahan yang wujud, kita perlu mempergunakan konsep budaya ilmu sepenuhnya, kerana seperti ditegaskan oleh Wan Mohd Nor Wan Daud:

---

<sup>39</sup> *Ibid.*

<sup>40</sup> Hal ini boleh dilihat secara keseluruhannya dalam Ahmad Hidayat Buang (2004), *op.cit.*

<sup>41</sup> Jamaie Hamil (2004), *UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu*, Bangi: Penerbit UKM, h. 48.

*“Iman ataupun amalan keagamaan jika tidak didasarkan kepada ilmu yang luas dan mendalam, hanyalah seperti bangunan di atas pasir yang tidak berdiri teguh. Jika iman didasarkan kepada ilmu, ianya bukan sahaja akan mengukuhkan peribadi berkenaan malah akan memberi kesejahteraan kepada manusia dan alam.”<sup>42</sup>*

Antara elemen budaya ilmu yang cukup relevan untuk konteks ini adalah:

- 1) Bertindak mengikut perkiraan ilmu yang benar dan bukannya mengikut dorongan ilmu yang salah serta hawa nafsu.
- 2) Setiap keputusan dalam sesuatu perkara dibuat berasaskan kepada kriteria ilmu dan bukan kerana pengaruh lain.
- 3) Tindakan menjadikan pencarian ilmu itu sebagai matlamat utama kehidupan melebihi semua matlamat lain seperti matlamat mencari harta benda dan pengaruh.
- 4) Pencapaian ilmu perlu dijemakan dalam bentuk praktikal melalui akhlak yang mulia. Tidak ada gunanya, seseorang itu memperolehi pencapaian akademik yang tinggi seandainya tidak mempunyai akhlak yang mulia.
- 5) Bersikap hormat-kritis terhadap pandangan sarjana silam dengan perkiraan dan neraca kebenaran yang berteraskan sumber wahyu.
- 6) Bersikap selektif terhadap semua bentuk ilmu pengetahuan menggunakan pendekatan tauhid.
- 7) Proses pencarian ilmu seperti belajar dan meluaskan pembacaan dijalankan seumur hidup.

Jadi, berasaskan kepada konsep budaya ilmu ini, dicadangkan agar:

- 1) Perlu mewujudkan badan/panel khusus yang bertugas menilai dan mencadangkan pelantikan seseorang mufti berdasarkan kewibawaan keilmuan dan akhlak seseorang calon mufti.
- 2) Mufti perlu dilantik dari kalangan lulusan bidang Syariah dan pernah mengikuti tahap pengajian di peringkat sarjana/kedoktoran. Sebaiknya, ianya perlu dilantik dari kalangan tenaga akademik (Profesor) bidang Syariah yang telah tamat tempoh di IPTA tertentu. Amalan JPA semasa yang memencenkan seseorang tenaga akademik yang berpengalaman apabila mencapai umur 58-65 tahun adalah amat merugikan, kerana tindakan ini secara langsung membazirkan modal intelektual berharga

---

<sup>42</sup> Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), “Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1, hh. 51-67.

yang dimiliki oleh pakar-pakar tersebut. Kita patut malu dengan amalan di negara barat yang tidak mengamalkan polisi memencenkan tenaga akademik ini serta memanfaatkan akal fikiran mereka demi untuk produktiviti dan kemajuan organisasi dan komuniti.<sup>43</sup> Rasional utama kenapa seseorang mufti itu perlu memiliki kelulusan di peringkat pasca siswazah:

- a) Biasanya memiliki kemahiran penyelidikan hukum Islam secara teori dan praktikal.
- b) Biasanya memiliki *know how* yang tinggi, berupa pengalaman kepimpinan untuk memantau mana-mana projek penyelidikan hukum yang dijalankan oleh pegawai Istinbat.
- c) Memiliki kemahiran (hikmah) untuk memikirkan dan memastikan sesuatu jawapan hukum (fatwa) yang dihasilkan relevan untuk keperluan masyarakat serta mampu menyelesaikan masalah sebenar.
- d) Memiliki kepakaran untuk mengenal pasti/mengikuti perkembangan sesuatu teori ilmu yang sifatnya sentiasa berkembang dan relevan untuk kegunaan masyarakat tempatan.
- e) Memiliki kemahiran berfikir dan bertindak secara strategik/futuristik apabila berhadapan dengan sesuatu masalah yang timbul.
- f) Memiliki sikap keterbukaan yang tinggi apabila didedahkan dengan pandangan sarjana yang berbeza- menyebabkan proses penyelesaian masalah yang bersifat holistik dapat dijalankan.
- g) Memiliki pengetahuan tentang sebarang perkembangan teknologi terkini, yang boleh membantu mempercepatkan proses penyelesaian masalah.

## Peranan Pengajian Syariah

Dalam bahagian ini, perbincangan akan menggunakan kerangka teori pemikiran reformisme yang menekankan peranan institusi pengajian Syariah iaitu pihak pemerintah di dalam meningkatkan dan melaksanakan tajdid Syariah di dalam

---

<sup>43</sup> Hashim Musa (2004), *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: Penerbit UM, hh. 191-192 dan Mohd Yusof Othman (2001), "Teknologi Maklumat: Harapan Dan Cabaran Di Alaf Baru", dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *Teknologi Maklumat Dan Komunikasi: Harapan, Cabaran Dan Barakah*, Alor Setar: INSANIAH, hh. 34-35.

masyarakat.<sup>44</sup> Ianya juga bakal dihubungkan dengan teori keberkesanan hukum Islam di dalam masyarakat.

Dalam teori reformisme ini, perubahan dan pembangunan program Islamisasi (tajdid) sesuatu masyarakat Islam perlu didasarkan kepada beberapa paradigma utama,<sup>45</sup>

- 1) Kepentingan umat Islam berpegang teguh kepada ajaran Islam yang suci seperti yang terkandung di dalam sumber wahyu yang bakal memastikan kerelevanan paradigma Tauhid dipakai oleh umat Islam untuk sepanjang zaman.
- 2) Penekanan kepada mewujudkan usaha tajdid dalam semua aspek kehidupan umat Islam akibat daripada proses pemalsuan dan penyelewengan terhadap ajaran Quran dan sunnah yang berlaku rentetan daripada peninggalan umat Islam sendiri terhadap ajaran Islam. Hal ini diburukkan lagi dengan peristiwa penjajahan umat Islam oleh kuasa *kuffār* Barat, yang secara jangka panjang mengakibatkan suasana kebekuan dan sikap malas ulama Islam itu sendiri.<sup>46</sup>
- 3) Penekanan kepada penggunaan paradigma rasional berasaskan semangat ijtihad kepada usaha mempercambahkan kreativiti umat Islam.
- 4) Penekanan kepada proses mewujudkan dan menajamkan daya intelektualisme umat Islam di dalam memahami ajaran Islam itu sendiri. Bagi golongan ini, ketinggian tamadun umat Islam silam bukannya patut dibanggakan secara nostalgia semata-mata, bahkan perlu dipetik kesimpulan dan intipati induktif dalam bentuk pengajaran terbaik daripada peristiwa ini untuk dilaksanakan oleh umat Islam.<sup>47</sup>

---

<sup>44</sup> Hal ini boleh didapati dalam Auni Haji Abdullah (2000), *Hisbah Dan Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur, hh. 10-15; Mahmood Zuhdi Ab. Majid (2001), *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 61-83 dan 155; Mohammad Hashim Kamali (2003), *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam : Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan Dan Terengganu*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher, hh. 139-152.

<sup>45</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2007), "Aliran Pemikiran Islam Moden : Satu Kajian Perbandingan", dalam *Jurnal Manusia Dan Masyarakat*, v. 15, hh. 69-88.

<sup>46</sup> Taha Jabir Al-Alwani (1991), "Taqlid And The Stagnation Of The Muslim Mind", *The American Journal Of Social Sciences*, V. 8, No. 3, 1991, h. 513.

<sup>47</sup> Mohamad Kamil Abdul Majid (2001), "Pertembungan Tamaddun Islam Dengan Kolonialisme Barat", *Tamaddun Islam Dan Tamaddun Asia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 150-151.

Mengikuti sesetengah sarjana Islam moden, pembangunan tamadun agung merangkumi Barat dan Islam, adalah berpunca dari amalan budaya ilmu.<sup>48</sup> Hal ini dirujuk kepada penggunaan set idea dan kreativiti masyarakat untuk mengkaji sesuatu ilmu dan menterjemahkannya di dalam bentuk program bertindak demi membangunkan pembangunan yang bersifat bersepadu kepada umat manusia.<sup>49</sup>

- 5) Demi untuk menghadapi persaingan dengan kuasa Barat, umat Islam tidak seharusnya menggunakan pendekatan kekerasan,<sup>50</sup> sebaliknya perlu lebih proaktif mempelajari sebab utama ketinggian tamadun Barat, iaitu ketinggian budaya ilmu mereka<sup>51</sup>, yang perlu diterapkan ke dalam masyarakat melalui institusi pendidikan.<sup>52</sup>
- 6) Kepentingan mengamalkan pendekatan berfikir secara berperancangan rapi (*blueprint*) dan bukannya secara retorik semata-mata.<sup>53</sup> Bagi reformis semasa, demi untuk memastikan kejayaan usaha reformasi yang lebih berkesan, kita perlu menjauhi perjuangan dan pemikiran ala khutbah, golongan yang hanya pandai bercakap dengan gagasan yang begitu ideal tetapi tidak tahu menterjemahkan cita-cita tersebut kepada suatu program bertindak yang bersifat praktikal untuk diamalkan. Apa yang lebih diperlukan adalah perjuangan ala fuqaha, yang mampu berfikir secara waras dengan mengambilkira faktor kegagalan dan kejayaan sesuatu program reformasi, dan mampu menterjemahkan cita-cita kepada program yang praktikal dengan suasana setempat.<sup>54</sup>

---

<sup>48</sup> Lihat Sebagai Contohnya Kupasan Yang Diberikan Oleh Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), "Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamaddun", *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, Bil. 1, hh. 51-67.

<sup>49</sup> Louay M. Safi (1998), *Truth And Reform : Exploring The Patterns And Dynamics Of Historical Change*, Kuala Lumpur: Open Press Publication, hh. 114-115.

<sup>50</sup> *Ibid*, h. 112.

<sup>51</sup> Sebab utama ketinggian tamaddun kebendaan barat seperti dinilai oleh reformis moden boleh dilihat dalam Majid Irsan Kailani (1997), *Mendidik Peribadi*, Muhammad Firdaus (terj.), Kuala Lumpur: Berita Publishing, hh. 64-66.

<sup>52</sup> Majid Irsan Kailani (2000), *Kebangkitan Generasi Salahuddin Dan Kembalinya Jerusalem Ke Pangkuan Islam*, Abdullah Abbas (terj.), Kuala Lumpur: Thinker Libraries, hh. 369-371.

<sup>53</sup> Muhammad Kamal Hasan (1996), *Toward Actualizing Islamic Ethical And Educational Principles In Malaysia*, Kuala Lumpur: ABIM, hh. 56-57 dan 93-97.

<sup>54</sup> Kupasan yang lebih mendalam tentang pandangan ini boleh didapati dalam Majid Irsan Kailani (2000), *Kebangkitan Generasi Salahuddin Dan Kembalinya Jerusalem Ke Pangkuan Islam*, hh. 362-364.

Dalam konteks Malaysia semasa, pihak kerajaan lebih condong mendokong paradigma reformisme, khususnya dalam program untuk menegakkan program Islamisasi perlu didokong dengan beberapa pendekatan yang penting:<sup>55</sup>

- 1) Menekankan kepentingan memahami realiti masyarakat Malaysia yang bersifat majmuk; dari segi ras bangsa dan sikap yang agak prejudis dan negatif terhadap Islam, di dalam pembentukan sesuatu dasar negara yang berkaitan dengan Islam.
- 2) Menekankan peri pentingnya dilakukan penyelidikan yang berterusan terhadap kekuatan dan kelemahan semua birokrasi dan infrastruktur fizikal yang berfungsi untuk penguatkuasaan undang-undang Islam di Malaysia.
- 3) Menekankan kepentingan mewujudkan sistem pendidikan yang mampu melahirkan lulusan yang berketerampilan di dalam aspek ilmu Islam dan moden serta akhlak yang seimbang. Semua lulusan ini bakal dipergunakan sepenuhnya untuk tujuan menjayakan agenda pembangunan negara dan pelaksanaan Syariah di dalam masyarakat.
- 4) Menekankan kepentingan untuk melakukan integrasi pendidikan antara keilmuan Islam tradisi dan keilmuan moden yang amat diperlukan untuk konteks zaman moden ini.
- 5) Menekankan kepentingan mewujudkan program pembangunan sosial-politik-ekonomi masyarakat berteraskan kepada intipati Islam.
- 6) Menekankan kepentingan diwujudkan unit sokongan seperti media massa dan NGO bagi membawa kesedaran Islam di kalangan masyarakat.

Berasaskan kepada teori ini, kita dapat menegaskan bahawa pemeraksanaan ijtihad ini khususnya untuk institusi fatwa perlu dimulakan oleh institusi pengajian Syariah di IPTA Islam. Rasional utama hal ini ditegaskan kerana institusi pendidikan secara langsung akan membekalkan graduan ataupun tenaga kerja yang bakal berkhidmat untuk institusi fatwa.<sup>56</sup> Apa yang lebih penting lagi, institusi fatwa perlu menghargai ataupun menaungi usaha tajdid yang dijalankan oleh IPTA Islam ini. Apa yang boleh dibanggakan, sebahagian

---

<sup>55</sup> Lihat Rahimin Affandi Abd Rahim (2003), "Konsep Tajdid Dan Pemikiran Islam Dr. Mahathir: Satu Analisis", dalam *Prosiding Seminar Dr. Mahathir Pemikir Islam Abad Ke 21*, Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia, hh. 66-86.

<sup>56</sup> Paizah Ismail (2007), "Pengajian Lepas Ijazah Bagi Siswazah Pengajian Islam", dalam *Jurnal Masalah Pendidikan*, v. 30(1), hh. 17-35.



besar daripada mufti di Malaysia dilihat telah akur dengan usaha yang dijalankan oleh IPTA Islam ini.<sup>57</sup>

Sebagai rujukan khusus, perbincangan tentang usaha tajdid dalam pengajian Syariah di IPTA Malaysia akan ditumpukan kepada peranan yang dimainkan oleh APIUM. Berasaskan kepada semangat tajdid yang lebih bersifat progresif, APIUM telah memahami keperluan dunia global dan telah cuba untuk melakukan reformasi (tajdid) yang lebih bersifat menyeluruh terhadap sistem pengajian keilmuan Islam semasa.<sup>58</sup> Sebagai contohnya, kita boleh mengenalpasti bagaimana APIUM telah melakukan tiga perkara utama bagi menepati program reformasi pengajian Syariah, yang boleh dimanfaatkan oleh institusi fatwa terbabit. Hal yang dimaksudkan dapat dilihat:

**Pertama**, penerapan konsep dan pendekatan Fiqh Semasa (Malaysia) dalam kebanyakan subjek perundangan Islam. Ianya membabitkan beberapa kaedah yang cuba untuk menghidupkan kembali peranan fuqaha dengan penggunaan kaedah *Uṣūl al-Fiqh*<sup>59</sup> dalam beberapa aspek iaitu:

- 1) Intipati terpenting konsep ini antara lainnya adalah masyarakat Malaysia semasa perlu disediakan dengan suatu kerangka fiqh yang lebih sesuai dengan realiti Malaysia semasa. Ianya bukan bersifat longgar sehingga mengabaikan semua prinsip fiqh silam yang bernuasakan kepada realiti abad pertengahan Timur Tengah.
- 2) Proses menilai pandangan fuqaha klasik agar ianya bersesuaian dengan realiti semasa.

---

<sup>57</sup> Paizah Ismail (2008), “Metodologi Studi Syariah Di Institusi Perguruan Tinggi Negeri Di Malaysia” dalam Mohd Fauzi Hamat (ed.), *Metodologi Pengkajian Islam: Pengalaman Indonesia-Malaysia*, Gontor: Institut Studi Islam Darussalam, hh. 207-218.

<sup>58</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), “Konsep Fiqh Malaysia untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru : Suatu Analisa Tentang Kepentingannya”, dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, bil. 10.

<sup>59</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1999), “Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 4-5.

- 3) Proses menilai, mengubah dan melakukan ijtihad terhadap permasalahan semasa di Malaysia<sup>60</sup> yang tiada jawapan daripada nas-nas Quran dan Sunnah, dan kitab fiqh klasik. Lebih tepat lagi, ianya bukan bersifat umum dan retorik semata-mata, bahkan turut menyediakan alternatif lengkap dan terperinci.
- 4) Proses mengenalpasti dan mewujudkan *database* Malaysia terutamanya dalam: Pertama, gambaran yang lengkap tentang realiti semasa Malaysia dari segi latarbelakang sejarah, struktur sosial, politik, ekonomi dan beberapa isu semasa.<sup>61</sup> Kedua, keperluan mendalami ilmu-ilmu moden selain dari bidang hukum Islam seperti ilmu sains sosial, budaya, ekonomi, perubatan, politik dan sebagainya. Kewujudan *database* Malaysia ini dapat dijadikan panduan untuk membantu fuqaha menghasilkan proses penentuan hukum yang bersifat semasa<sup>62</sup>.
- 5) Proses menyediakan kaedah-kaedah dan metodologi asas di dalam ilmu *Uṣūl al-Fiqh* yang dapat membantu golongan fuqaha menyelesaikan persoalan baru di Malaysia. Antara metodologi berkaitan yang kerap digunakan adalah kaedah '*urf, ijtihād jamā'i, tarjih, talfiq, ijma'*, *maqāṣid al-sharī'ah, maṣlahah, siyāsah Shar'īyyah*'<sup>63</sup> dan sebagainya.

---

<sup>60</sup> Sebagai contohnya, lihat Raihanah Haji Abdullah (1999), "Pegawai Syariah Wanita Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Malaysia", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 221-232; Anisah Ab. Ghani (1999), "Batas-Batas Pergaulan Antara Lelaki Dan Perempuan Dalam Masyarakat Islam Kini: Satu Huraian Hukum Islam Semasa", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 239-248.

<sup>61</sup> Sebagai contohnya, kajian tentang realiti semasa di Malaysia yang merangkumi kekuatan dan masalah yang terpaksa dihadapi telah diterangkan oleh Abdullah Alwi Haji Hassan (1999), "Permasalahan Intelektual Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa Di Malaysia", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 125-130.

<sup>62</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1999), *op.cit*, hh. 5-6.

<sup>63</sup> Kesemua perbincangan yang agak detail tentang kaedah-kaedah ini ada diterangkan oleh serangkaian tokoh tempatan di dalam bahagian metodologi buku *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, disunting oleh Abdul Karim Ali dan Raihanah Haji Azhari (1999), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

- 6) Proses mengalakkan perkaitan prinsip *Maqāṣīd al-Shari'ah* dengan konsep *Fiqh Awlāwīyyah* yang lebih menekankan kepada perkiraan realiti masyarakat Malaysia semasa<sup>64</sup>. Gabungan ini antara lainnya perlu bersifat terbuka dan tidak membataskan penyelesaian kepada sesuatu mazhab semata-mata. Apa yang lebih penting lagi, seseorang fuqaha perlu mengakui dan menghormati pandangan fuqaha lain yang terbabit di dalam proses mendapatkan maklumat untuk sesuatu penyelidikan hukum dan seterusnya melakukan analisa yang terbaik terhadap fakta terbabit. Hal ini boleh dilakukan dengan pendekatan model fiqh perbandingan membabitkan semua mazhab terbesar di dalam Islam, dengan cara menerima pakai sumber yang berbeza, meneliti hujah yang digunakan secara terbuka dan memilih untuk menerima pakai mana-mana pendapat yang lebih bertepatan dengan kehendak syarak.<sup>65</sup> Dalam pendekatan ini seseorang fuqaha perlu membebaskan diri dari belenggu fanatik mazhab dan mengutamakan masalah perpaduan ummah melebihi segala-galanya. Gabungan ini dilihat akan lebih menyerlahkan sifat kesyumuluan yang dimiliki oleh hukum Islam, disamping ianya dapat mengelakkan prinsip *Maqasid al-Shari'ah* ini digunakan secara sewenang-wenangnya oleh kalangan yang tidak bertanggungjawab, dengan menggunakan topeng *Maqasid al-Shari'ah*. Hal ini boleh dikatakan sebagai fenomena yang agak mendesak demi untuk memastikan agar konsep dan prinsip hukum Islam yang terpilih tidak disalah gunakan bagi tujuan mendapatkan *justification* (pengesahan dan keabsahan) syarak terhadap mana-mana amalan yang bertentangan dengan prinsip asas Islam.<sup>66</sup> Antara aspek keutamaan yang menjadi sandaran ini:<sup>67</sup>

<sup>64</sup> Lihat sebagai contohnya Abdul Karim Ali (2000), "Faktor-faktor Semasa dan Setempat di Malaysia yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak Dalam Menentukan Hukum", dalam Paizah Ismail (ed.) *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hh. 65-69.

<sup>65</sup> Perbincangan lanjut boleh didapati dalam Datin Paizah Hj. Ismail (1999), "Fiqh al-Awlawiyat : Konsep dan Hubungannya Dengan Fiqh Al-Muwazanat, Fiqh Al-Syar' dan Fiqh Al-Waqi' dalam Pelaksanaan Hukum Islam", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, hh. 73-80.

<sup>66</sup> Mahmood Zuhdi Abdul Majid (1999), *op.cit.*, hh. 8-10.

<sup>67</sup> Paizah Ismail (2007), "Pendekatan Baru Maqasid Al-Shari'ah Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Analisis", *Jurnal Syariah Dan Perundangan (Journal*

- a) Keutamaan kualiti daripada kuantiti.
- b) Keutamaan ilmu daripada amal.
- c) Keutamaan objektif daripada bentuk lahir.
- d) Keutamaan ijtihad daripada *taqlid*.
- e) Keutamaan memudahkan daripada memayahkan.
- f) Keutamaan kerja-kerja untuk faedah umum daripada kerja untuk faedah sendiri.
- g) Keutamaan Fardu ‘Ain daripada Fardu Kifayah.
- h) Keutamaan hak masyarakat daripada hak individu.

**Kedua**, melakukan aktiviti penyelidikan terhadap hasil fatwa yang dikeluarkan oleh institusi fatwa semasa. Apa yang boleh dibanggakan, APIUM melalui Jurnal Fiqh telah mewujudkan ruangan khusus yang mengumpul dan menganalisa setiap hasil fatwa yang dikeluarkan oleh sesuatu institusi fatwa. Usaha ini bertujuan untuk mengajar pelajar dan pegawai di pejabat mufti sendiri bagaimanakah kaedah terbaik yang perlu dilakukan untuk menghasilkan sesuatu fatwa yang bermutu. Mungkin usaha ini menyamai pendekatan yang dilakukan oleh Prof Ahmad Ibrahim yang menuntut seseorang Qadi mempelajari *legal precedent* yang dikeluarkan oleh hakim Mahkamah Sivil di dalam *Malaysian Law Journal*, yang kemudiannya bakal diterapkan usaha penambahbaikan dalam keputusan legal *judgement* di Mahkamah Syariah. Sejarah reformasi Mahkamah Syariah di Malaysia mencatatkan bagaimana usaha Prof Ahmad Ibrahim ini telahpun berjaya.

**Ketiga**, pemilihan tema kajian yang agak mendesak keperluannya di kalangan umat Islam semasa. Hal ini boleh dikesan daripada tindakan APIUM yang mengalakkan pelajar pasca siswazah melakukan kajian terhadap sesuatu isu penting yang timbul di dalam masyarakat semasa. Antara isu-isu ini yang termasuk dalam subjek fiqh kepenggunaan adalah soal gender,<sup>68</sup> rawatan

---

*Of Syariah And Jurisprudence*), Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bil 1, No 1, Oktober 2007, hh. 99-130.

<sup>68</sup> Aba Yazid (2003), “Implementasi Teori Maqasid al-Syariah Terhadap Konsep Nikah, Wilayah Nikah dan Hak-Hak Perempuan di dalamnya”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

kumbahan air,<sup>69</sup> sains perubatan,<sup>70</sup> bio-perubatan,<sup>71</sup> farmasi,<sup>72</sup> astronomi,<sup>73</sup> hasil tenusu F&N,<sup>74</sup> isu perubahan sosial<sup>75</sup>, fatwa JFK<sup>76</sup> dan banyak lagi. Hasil kajian di peringkat pasca siswazah ini perlu dipergunakan sepenuhnya oleh institusi fatwa di Malaysia, kerana ianya dihasilkan melalui proses penyelidikan hukum Islam yang rapi.

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan akhir, kita dapat menegaskan beberapa perkara, **Pertama**, ijtihad merupakan suatu konsep, metod dan aplikasi yang teramat penting di dalam sistem perundangan Islam. Hal ini terbukti dengan sumbangan dan peranan yang pernah dan bakal terus dimainkan oleh konsep ijtihad ini dalam usaha membangun dan mengembangkan sistem perundangan Islam. Apa yang

---

<sup>69</sup> Nadzirah Ismail (2003), “Status Kesucian Air Kumbahan yang Dirawat Melalui Kaedah Rawatan oleh Indah Water Konsortium”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>70</sup> Azhar Abdul Aziz (2002), “Peranan Sains Perubatan Dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh Kerana Penyakit”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>71</sup> Nizaita Omar (1999), “Beberapa Kaedah Perubatan Moden Menurut Perspektif Islam”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>72</sup> Mohd Sharkawi Shaadan (2003), “Penggunaan Bahan Haram Dalam Perubatan: Kajian Di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>73</sup> Mohamad Amin Abu Bakar (2002), “Pemakaian Asas Astronomi Dalam Menentukan Arah Qiblat Di Malaysia: Satu Pendekatan Hukum”, Tesis Sarjana untuk Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>74</sup> Noor Asiah Binti Aling (2004), “Barangan Tenusu Keluarga F&N: Satu Kajian Berasaskan Hukum Kepenggunaan Islam”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>75</sup> Muhammad Firdaus Nurul Huda (2002), *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam: Satu Kajian Tentang Metodologi Syariah dan Pelaksanaannya*, Kuala Lumpur: Thinker’s Library.

<sup>76</sup> Mohd Nazri bin Asiabu (2003), “Penggunaan Maslahah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Agama Fatwa Kebangsaan”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.

lebih penting lagi, ianya boleh digunakan sebagai alat ataupun mekanisme utama yang mempergunakan sumber wahyu dengan bantuan daya intelektual manusia yang terpinpin, bagi menyelesaikan permasalahan hukum yang barang pastinya akan sentiasa dihadapi oleh masyarakat. **Kedua**, konsep ijtihad ini secara langsung dapat dikaitkan dengan institusi fatwa kerana ianya merupakan saluran penyelesaian masalah utama yang boleh dipergunakan bagi tujuan mendidik dan mengawal kelangsungan hidup sesuatu masyarakat agar ianya sentiasa berjalan bertepatan dengan prinsip Islam. **Ketiga**, berasaskan kepada dapatan kajian ilmiah yang dilakukan terhadap aplikasi ijtihad di institusi fatwa di Malaysia; mendapati masih terdapat terlalu banyak kelemahan *substansial* yang dialami oleh institusi fatwa yang kemudiannya amat perlu dilakukan proses penambahbaikan yang terancang. **Keempat**, program reformasi terhadap institusi fatwa ini perlu dilakukan melalui dua kaedah yang utama; menyedarkan para mufti tentang peri pentingnya dipertingkatkan tahap profesionalisme jawatan tersebut. Selanjutnya, kalangan warga institusi fatwa perlu mempelajari dan mendapatkan bantuan daripada institusi pengajian Syariah di Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Aba Yazid (2003), “Implementasi Teori Maqasid Al-Syariah Terhadap Konsep Nikah, Wilayah Nikah dan Hak-Hak Perempuan di dalamnya”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Halim El-Muhammady (1992), “Ikhtilaf and Its Development In Malaysia”, dalam *International Islamic University Law Journal*, V. 2, No.2.
- Abdul Karim Ali (2000), “Faktor-Faktor Semasa dan Setempat di Malaysia Yang Boleh Mempengaruhi Penafsiran Nas Syarak dalam Menentukan Hukum”, dalam Paizah Ismail (ed.) *Fiqh Malaysia: Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Karim Ali dan Raihanah Haji Azhari (1999), *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abdul Rauf (1995), *The Muslim Mind: A Study of The Intellectual Muslim Life During The Classical Era (101-700H)*, Kuala Lumpur.

- Abdullah Alwi Haji Hassan (1999), "Permasalahan Intelektual Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa Di Malaysia", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Abdullah Alwi Haji Hassan (2003), *Pengajian Dan Pengamalan Undang-Undang Islam Di Malaysia : Antara Tradisi Dan Moderniti*, Syarahan Pengukuhan Profesor Untuk APIUM, 7 Julai 2003.
- Ahmad Hidayat Buang (2004), *Fatwa di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Syariah dan Undang-undang, APIUM.
- Akh Minhaji (2002), "Persoalan Gender Dalam Perspektif Metodologi Studi Hukum Islam", dalam Siti Ruhaini Dzuhayatin (ed.) *Rekonstruksi Metodologis Wacana Kesetaraan Gender Dalam Islam*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar Offset.
- Akh Minhaji dalam Amir Mualim (2006), *Ijtihad Dan Legislasi Muslim Kontemporer*, Yogyakarta: UII Press.
- Alparsan Acikgence (1996), "The Framework For A History Of Islamic Philosophy", dalam *Al-Shajarah*, ISTAC, v. 1, bil. 1 & 2.
- Anisah Ab. Ghani (1999), "Batas-Batas Pergaulan Antara Lelaki Dan Perempuan Dalam Masyarakat Islam Kini: Satu Huraian Hukum Islam Semasa", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Auni Haji Abdullah (2000), *Hisbah Dan Pentadbiran Negara*, Kuala Lumpur.
- Azhar Abdul Aziz (2002), "Peranan Sains Perubatan Dalam Menentukan Hukum Keharusan Fasakh Kerana Penyakit", Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- De George (1995), *Business Ethics*, New Jersey: Prentice Hall.
- Fathurrahman Djamil (1995), *Metode Ijtihad Majlis Tarjih Muhammadiyah*, Jakarta: Logos.
- Gibb (1962), *Mohammedanism*, New York: Oxford.
- Fadzulullah Hj. Shuib (1995), *Kecermelangan Ilmu Dalam Sejarah Dan Tamadun Islam*, Kuala Lumpur.
- H. M. Atho Mudzhar (1998), *Pendekatan Studi Islam Dalam Teori Dan Praktek*, Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

- Hamid Fahmy Zarkasyi (2004), *Tantangan Sekularisasi Dan Liberalisasi Di Dunia Islam*, Surabaya: Penerbit Khairul Bayan.
- Hashim Musa (2004), *Pemeriksaan Tamadun Melayu Malaysia Menghadapi Globalisasi Barat*, Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Ismail Raji Faruqi (2000), *Tauhid, Kesannya Terhadap Pemikiran Dan Kehidupan*, Terj. Oleh Unit Terjemahan Modal Perangsang Sdn Bhd, Kuala Lumpur.
- Jamaie Hamil (2004), *UMNO Dalam Politik Dan Perniagaan Melayu*, Bangi: Penerbit UKM.
- Louay M. Safi (1998), *Truth And Reform: Exploring The Pattern And Dynamics Of Historical Change*, Kuala Lumpur: Open Press.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (2004), *Pengantar Pengajian Syariah*, Kuala Lumpur: al-Baian Corporation Sdn Bhd.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (2001), *Bidang Kuasa Jenayah Mahkamah Syariah di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Ab Majid dan Paizah Ismail (1999), “Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Majid Irsan Kailani (1997), *Mendidik Peribadi*, Muhammad Firdaus (terj.), Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Majid Irsan Kailani (2000), *Kebangkitan Generasi Salahuddin Dan Kembalinya Jerusalem Ke Pangkuan Islam*, Abdullah Abbas (terj.), Kuala Lumpur: Thinker Libraries.
- Mohamad Amin Abu Bakar (2002), “Pemakaian Asas Astronomi Dalam Menentukan Arah Qiblat Di Malaysia: Satu Pendekatan Hukum”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohamad Kamil Abdul Majid (2001), “Pertembungan Tamaddun Islam Dengan Kolonialisme Barat”, *Tamaddun Islam Dan Tamaddun Asia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Hashim Kamali (2003), *Hukuman Dalam Undang-Undang Islam: Suatu Penelitian Terhadap Hukum Hudud Kelantan Dan Terengganu*, Kuala Lumpur: Ilmiah Publisher.



- Mohd Nazri bin Asiabu (2003), “Penggunaan Masalah Dalam Fatwa: Kajian Kes Bagi Fatwa-Fatwa Yang Dikeluarkan Oleh Majlis Agama Fatwa Kebangsaan”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Mohd Sharkawi Shaadan (2003), “Penggunaan Bahan Haram Dalam Perubatan:Kajian Di Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd Yusof Othman (2001), “Teknologi Maklumat : Harapan Dan Cabaran Di Alaf Baru “, dalam Sharifah Azizah Sahil Jamalullail (ed.), *Teknologi Maklumat Dan Kominikasi: Harapan, Cabaran Dan Barakah*, Alor Setar: INSANIAH.
- Mona Abdul-Fadl (1989), *Paradigms In Political Science Revisited*, Herndon: AMSS & IIIT.
- Muhammad Abu Bakar (1993), “Pandangan Dunia, Ideologi Dan Kesarjanaan: Islam, Proses Sejarah Dan Rekonstruksi Realiti Sosial”, dalam *Tinta Kenangan, Sumbangan Sempena Persaraan Dan Perlantikan Naib Canselor, Profesor Datuk Mohd Taib Osman*, Kuala Lumpur.
- Muhammad Firdaus Nurul Huda (2002), *Kesan Perubahan Sosial Terhadap Hukum Islam: Satu Kajian Tentang Metodologi Syariah Dan Pelaksanaannya*, Kuala Lumpur: Thinker’s Library.
- Muhammad Kamal Hasan (1996), *Toward Actualizing Islamic Ethical And Educational Principles In Malaysia*, Kuala Lumpur: ABIM.
- Muhammad Syukri Salleh (1990), “Pembangunan Untuk Manusia Atau Manusia Untuk Pembangunan: Analisis Tentang Manusia Dalam Pembangunan Berteraskan Islam”, dalam *Konsep Dan Pelaksanaan Pembangunan Berteraskan Islam*, Pulau Pinang: Penerbitan USM
- Nadzirah Ismail (2003), “Status Kesucian Air Kumbahan Yang Dirawat Melalui Kaedah Rawatan Oleh Indah Water Konsortium”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Naemah Abd Rahman (2003), “Fatwa Jemaah Ulama Kelantan Tahun 1920an Hingga 1990an: Satu Analisis”, Tesis PhD Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Nasaruddin Umar (1999), “Metode Penelitian Berperspektif Jender Tentang Literature Islam”, dalam *Jurnal Al Jami’ah*, No. 64, v. xii.

- Nizaita Omar (1999), “Beberapa Kaedah Perubahan Moden Menurut Perspektif Islam”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Noor Asiah Binti Aling (2004), “Barangan Tenusu Keluarga F&N: Satu Kajian Berasaskan Hukum Kepenggunaan Islam”, Tesis Sarjana Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Paizah Hj. Ismail (1999), “Fiqh al-Awlawiyat: Konsep dan Hubungannya Dengan Fiqh al-Muwazanat, Fiqh al-Syar’ dan Fiqh al-Waqi’ Dalam Pelaksanaan Hukum Islam”, dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Paizah Ismail (2007), “Pendekatan Baru Maqasid al-Shari‘ah Dalam Pengajian Syariah Di Malaysia: Satu Analisis”, *Jurnal Syariah Dan Perundangan (Journal Of Syariah And Jurisprudence)* Fakulti Pengajian Dan Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bil 1, No 1, Oktober 2007.
- Paizah Ismail (2007), “Pengajian Lepasan Ijazah Bagi Siswazah Pengajian Islam”, dalam *Jurnal Masalah Pendidikan*, v. 30 (1).
- Paizah Ismail (2008), “Metodologi Studi Syariah Di Institusi Perguruan Tinggi Negeri Di Malaysia” dalam Mohd Fauzi Hamat (ed.), *Metodologi Pengkajian Islam: Pengalaman Indonesia-Malaysia*, Gontor: Institut Studi Islam Darussalam.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2003), “Konsep Tajdid Dan Pemikiran Islam Dr. Mahathir: Satu Analisis”, dalam *Prosiding Seminar Dr. Mahathir Pemikir Islam Abad Ke 21*, Kuala Lumpur: Kementerian Penerangan Malaysia.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2003), “Pemikiran Reformis Melayu Semasa: Suatu Analisis”, dalam Hashim Musa (ed.) *Bahasa Dan Pemikiran Melayu Menangani Cabaran Alaf Baru*, Kuala Lumpur: Penerbitan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (1994), “Hubungan Antara Ulama Dan Pemerintah Di Dalam Sejarah Tamadun Umat Islam”, dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, v. 4.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (1993), “Ijtihad: Suatu Analisis Perbandingan”, dalam *Jurnal Syariah*, v. 1, bil. 2.

- Rahimin Affandi Abd Rahim (1993), "The Significance of the Ijtihad in the Development of the Muslim Law", dalam *Jurnal SARJANA*, Keluaran Khas.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (1993), "The Concept Of Ijma' In Islamic Law: A Comparative", dalam *The Journal of Hamdard Islamicus*, Pakistan, v. 16.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), "Konsep Fiqh Malaysia untuk Tamadun Alam Melayu Alaf Baru: Suatu Analisa Tentang Kepentingannya", dalam *Jurnal Pengajian Melayu*, bil. 10.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2002), "Penyelidikan, Metodologi, Penyeliaan dan Pemeriksaan Tesis", dalam *Jurnal YADIM*, bil. 3.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2006), "Islam Dan Isu Penterjemahan Dalam Era Globalisasi", dalam Hamed Mohd Adnan (ed.), *Penerbitan Malaysia-Indonesia: Mengukuhkan Jaringan Penerbitan Serantau*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2000), "Etika Penyelidikan Islam: Suatu Analisa", dalam *Jurnal Afkar*, v. 1.
- Rahimin Affandi Abd Rahim (2007), "Aliran Pemikiran Islam Moden: Satu Kajian Perbandingan", dalam *Jurnal Manusia Dan Masyarakat*, v. 15.
- Raihanah haji Abdullah (1999), "Pegawai Syariah Wanita Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Malaysia", dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Sabitha Marican (1997), *Dasar Awam Di Malaysia: Isu Dan Konsep*, Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Subhi Mahmassani (1987), *The Philosophy Of Jurisprudence In Islam*, Kuala Lumpur.
- Syamsul Anwar (2007), *Studi Hukum Islam Kontemporer*, Jakarta: RM Books.
- T.J. De Boer (1994), *The History Of Philosophy In Islam*, Richmond: Curson Press.
- Taha Jabir al-'Alwani (1990), *Usul Al-Fiqh Al-Islami*, Virginia: IIIT.
- Taha Jabir Al-Alwani (1991), "Taqlid And The Stagnation Of The Muslim Mind", *The American Journal Of Social Sciences*, V. 8, No. 3.

Umar Jah (1977), “The Importance Of Ijtihad In The Development Of Islamic Law”, dalam *Journal Of Comparative Law*.

Wan Mohd Nor Wan Daud (1990), “Budaya Ilmu Sebagai Asas Pembangunan Tamadun”, dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, v. 3, bil. 1.

Wan Mohd Nor Wan Daud (2001), *Pembangunan Di Malaysia: Ke Arah Suatu Kefahaman Baru Yang Lebih Sempurna*, Kuala Lumpur: ISTAC.

Yusuf Qardhawi (1996), *Fatwa Antara Ketelitian Dan Kecerobohan*, terjemahan Ahmad Nuryadi Asmawi, Kuala Lumpur: Thinker Libraries.

Yusuf Qardhawi (2004), *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*, Terjemahan Oleh Abdul Rahman Rukaini, Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.